

Etika Berpakaian Melayu dalam Novel *Manikam Kalbu* Karya Faisal Tehrani

*Ethics of Malay Dress in Faisal Tehrani's
Novel Manikam Kalbu*

NOR SYAZWANI NOR HIZAM & YUSMILAYATI YUNOS

ABSTRAK

Penulisan ini membincangkan etika berpakaian dalam kalangan masyarakat Melayu yang terdapat dalam novel *Manikam Kalbu*. Novel ini hasil karya Faisal Tehrani (2015) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel ini mengandungi dua versi penceritaan dengan dua watak utama yang berbeza. Penceritaan novel terdiri daripada versi moden dan klasik yang sarat dengan mesej mengenai busana Melayu tradisional. Pada masa kini didapati anak-anak muda Melayu kurang peka dengan cara berpakaian dan tidak mematuhi etika berpakaian yang betul. Oleh itu penulisan ini dilakukan untuk melihat bagaimanakah etika pemakaian masyarakat Melayu? Objektif penulisan ini untuk menghuraikan pemakaian Melayu dan etika pemakaian masyarakat Melayu dalam novel *Manikam Kalbu* serta menginterpretasikan cara pemakaian yang sesuai bagi masyarakat Melayu. Kaedah kualitatif digunakan dalam penulisan ini. Analisis kandungan teks dilakukan dengan kaedah pembacaan yang rapi dan disokong dengan teknik interpretasi bagi melihat etika pemakaian masyarakat Melayu. Penulisan ini menggunakan konsep etika sebagai analisis penulisan. Konsep ini diperolehi daripada etika pantang larang berpakaian Melayu yang dikemukakan oleh Tennes Effendy (2004) dan disokong oleh cara berpakaian Islam yang dinyatakan oleh Shofian Ahmad dan Lotfiah Zainol Abidin (2004) dalam bukunya *Aurat: Kod Pakaian Islam*. Dapatan penulisan ini menunjukkan terdapatnya lima jenis etika pemakaian yang harus dipatuhi dalam novel *Manikam Kalbu*. Etika pemakaian ini terdiri daripada pantang membuka aurat, pantang kainnya nipis, pantang ia berpotongan yang ketat, pantang ia mengada-ada dan dilarang memandai-mandai. Oleh itu, penulisan ini diharapkan dapat memberi penjelasan mengenai busana Melayu khususnya pemakaian cara Melayu dan etika pemakaian Melayu yang betul.

Kata kunci: Etika berpakaian; interpretasi; *Manikam Kalbu*; masyarakat Melayu; pantang

ABSTRACT

This writing discusses the dress code in the Malay community found in the novel *Manikam Kalbu*. This novel is the work of Faisal Tehrani (2015) Dewan Bahasa dan Pustaka. The novel contains two versions of the narration with two different main characters. The narration of the novel consists of modern and classic versions that are loaded with messages about traditional Malay fashion. Nowadays, it is found that young Malays are less sensitive to the way they dress and do not adhere to the correct dress code. Therefore, this writing is done to see how the Malay community's etiquette is? The objective of this writing is to describe the use of Malay and the ethics of use by the Malay community in the novel *Manikam Kalbu* as well as to interpret the appropriate way of use for the Malay community. Qualitative methods are used in this writing. Analysis of the content of the text is done with a thorough reading method and is supported by interpretation techniques to see the ethics of the Malay community. This writing uses the concept of ethics as a writing analysis. This concept is derived from the taboo ethics of Malay clothing presented by Tennes Effendy (2004) and supported by the Islamic way of dressing stated by Shofian Ahmad and Lotfiah Zainol Abidin (2004) in their book "*Aurat: Kod Pakaian Islam*". The findings of this writing show that there are five types of usage ethics that must be followed in the novel *Manikam Kalbu*. The etiquette of wearing this consists of abstinence from exposing the aurat, abstinence from thin cloth, abstinence from tight cuts, abstinence from making things up and prohibited from washing. Therefore, this writing is expected to provide an explanation about Malay clothing especially the use of Malay clothing and proper Malay clothing etiquette.

Keywords: Dress code; interpretation; *Manikam Kalbu*; the Malay community; abstinence

PENGENALAN

Pada dasarnya kain adalah sesuatu elemen yang amat penting bagi masyarakat Melayu. Kain digunakan pada setiap hari dan pada setiap aktiviti yang dijalankan sehingga kain yang digelar sarung menjadi fungsi utama di dalam pemakaian masyarakat di Alam Melayu. Kain dianggap sesuatu yang indah sehingga berbagai ungkapan yang halus diungkap melambangkan jenis-jenis kain di Alam Melayu. Manakala pakaian direka selepas kain disulam indah. Pakaian yang dipakai oleh masyarakat Melayu sebagai fungsi untuk menutup sebahagian anggota badan seseorang. Selain dari fungsi sebagai menutup bahagian tertentu mereka, ia juga bertindak untuk melindungi seseorang dari keadaan sekeliling mengikut muka bumi sesebuah masyarakat seperti cuaca yang panas atau sejuk. Rupa bentuk pakaian atau busana banyak dipengaruhi oleh latar belakang etnik dan kepercayaan anutan sesebuah masyarakat (Aszulhida et.al. 2019).

Kemasukan pengembara dan pedagang daripada India membawa masuk kemahiran kerja tangan yang dimiliki oleh mereka seperti seni bina, tenunan kain dan pertukangan logam. Pakaian orang India telah diterima oleh penduduk di Nusantara. Perkara ini dibuktikan apabila dinding candi di beberapa Nusantara menunjukkan tercatatnya sejarah mengenai penerimaan penduduk ketika itu. Pakaian kaum lelaki dan wanita tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Manakala, orang yang berkedudukan pula mereka berhias dengan barang-barang kemas (Abbas dan Norwani 2006: 3-4).

Seterusnya, pada abad ketujuh berlaku kemasukan pengaruh Islam yang dibawa oleh pedagang daripada Arab melalui kegiatan perdagangan. Setelah kedatangan Islam, masyarakat di Tanah Melayu mula mendapat pelbagai pengaruh luar kesan daripada perdagangan dari tanah Arab yang membawa masuk agama Islam ke Tanah Melayu dan sekaligus mengubah dan mempengaruhi cara hidup masyarakat di Alam Melayu. Pada ketika ini, orang di Tanah Melayu telah mula mengenakan pakaian yang mirip kepada rupa bentuk pakaian orang Arab iaitu abaya dan kemudiannya dipanggil kebaya oleh orang Melayu. Kebaya ini dipadankan bersama kain sarung dari oelh masyarakat tempatan. Sehingga kini, rupa bentuk dan gaya potongan Baju Melayu yang mirip kepada potongan tunic dari zaman pemerintahan Arab juga menjadi identiti masyarakat Melayu. Bagi masyarakat Melayu, ada berpendapat bahawa pada abad ke-13, busana mereka pada masa itu dipanggil sebagai baju kurung yang merujuk kepada persalinan lelaki dan juga perempuan Melayu kemudian setelah itu orang Melayu mula membahagikan penggunaan Baju Kurung untuk kaum wanita dan Baju Melayu kekal untuk kaum lelaki. Perbedaannya dapat dilihat pada padanan Baju Melayu yang dipadankan dengan pemakaian seluar Gunting Aceh manakala kaum perempuan masih mengenakan Baju Kurung yang disesuaikan dengan kain sarung dengan ikatan ombak mengalun (Zubaidah Shawal, 1994).


Pada abad keenam hingga abad ke-13 pula pengaruh Hindu-Buddha masih kuat walaupun pengaruh Islam itu mulai tersebar di Alam Melayu. Selepas abad ke-13 pengaruh Islam begitu kuat sehingga menunjukkan kesan yang begitu mendalam kepada masyarakat di Alam Melayu. Dari aspek pakaian, orang Melayu telah mengubah cara berpakaian dengan mengenakan pakaian yang lebih sopan untuk menutupi tubuh badan daripada terdedah. Selepas pengaruh Hindu-Buddha semakin lemah dan kerajaan Islam mula berkembang, pakaian bangsa Melayu turut berkembang apabila orang Melayu bangsawan mengubah cara berpakaian mereka dengan memakai seluar, baju dan ikat kepala (Abbas dan Norwani, 2006: 6-10).

Proses evolusi pakaian Melayu mencapai tahap yang begitu tinggi pada zaman kerajaan Melayu Melaka. Bermula dari istana-istana raja, warisan bangsa Melayu mencapai zaman kegemilangan. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan warisan ini menjadi sumber inspirasi

kepada bangsa Melayu. Contoh ini dapat dilihat dalam karya sastra sejarah seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* yang membuktikan pakaian orang Melayu di Istana Melaka mencapai tahap tertinggi dalam evolusi pakaian orang Melayu di Nusantara. Dalam *Sejarah Melayu*, al-kisah cetera yang ke-27 membahaskan mengenai Tun Hassan yang merupakan seorang pelopor kepada pengubahsuaian bentuk baju Melayu pada zaman dahulu kepada bentuk baju yang dipakai kini. Tun Hassan telah melabuhkan dan membesarkan potongan baju Melayu yang pada asalnya dikatakan agak sempit (Abbas dan Norwani, 2006: 10-13).

Akhir sekali, proses evolusi pakaian tradisional Melayu turut berlaku akibat pengaruh daripada Barat. Penjajahan Barat di Asia Tenggara telah membawa kesan yang baik dan buruk kepada rakyat tempatan. Rakyat tempatan yang mudah terpengaruh dengan kemajuan dan pemodenan menyebabkan ia bertentangan dengan agama dan adat resam. Kaum wanita pada masa itu mengenakan pakaian yang lebih kebaratan seperti baju kurung labuh dan longgar malah mengenakan kerongsang sebagai aksesori pada pakaian. Manakala, pada abad ke-20 kaum lelaki juga memakai pakaian cara Barat iaitu mengenakan baju kemeja, berseluar panjang dan berkot. Pengaruh Barat ini jelas sekali menunjukkan pelbagai jenis pakaian tradisional Melayu telah mengalami evolusi menyebabkan masyarakat setempat turut terpengaruh (Abbas Alias dan Norwani Md. Nawawi, 2006: 13-14).

Sehubungan dengan itu, novel *Manikam Kalbu* karya Faisal Tehrani antara karya sastra yang menceritakan busana tradisional Melayu dengan menyelitkan elemen etika dan pantang larang dalam cara berpakaian masyarakat Melayu. Novel yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ini dicetak pada tahun 2007, 2009 dan 2015 dan mengandungi 364 halaman. Pemilihan novel ini sebagai subjek penulisan kerana agak kurang perbincangan berkenaan busana Melayu dan etika berpakaian dalam karya novel moden. Berikut adalah novel *Manikam Kalbu*:



GAMBAR 1. Novel *Manikam Kalbu*

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah dihasilkan berkaitan dengan penulisan ini. Perbincangannya melibatkan pakaian Melayu, busana Melayu, fesyen pakaian dan etika berpakaian. Antaranya penulisan Mohd. Said Sulaiman (2008) yang menjelaskan dalam bukunya bertajuk *Pakai Patut Melayu* mengenai panduan berpakaian cara Melayu. Buku *Pakai Patut Melayu* ini merupakan karya klasik yang dihasilkan oleh pengarang untuk dijadikan panduan oleh masyarakat Melayu khususnya mengenai tertib pakaian Melayu terutamanya pakaian yang dipakai di Johor. Pengisian yang terdapat dalam buku ini mempunyai pelbagai maklumat mengenai tertib berpakaian yang harus dipatuhi oleh orang Melayu. Pengarang juga menampilkan perkembangan reka bentuk persalinan bagi kaum lelaki dan perempuan sama ada cara berpakaian gaya biasa, gaya pakaian kehormat Barat, gaya berpakaian kanak-kanak dan pakaian istiadat. Pendedahan mengenai tertib berpakaian yang disampaikan oleh Mohd. Said Sulaiman jelas sekali memberi gambaran kepada masyarakat Melayu supaya memakai pakaian yang sopan dan tidak mencolok mata. Bukan itu sahaja, apabila masyarakat menjaga adab berpakaian secara tidak langsung dapat menjauhkan diri daripada fitnah, maksiat, tercela dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, masyarakat Melayu haruslah berpakaian dengan berpaksikan nilai keislaman untuk kesejahteraan dalam kehidupan seharian.

Siti Zainon Ismail (2009) turut menjelaskan hal ehwal berpakaian dalam bukunya bertajuk *Pakaian Cara Melayu*. Beliau menyatakan pakaian sering dikaitkan dengan fungsi penggunaan kerana pakaian digunakan untuk menutupi tubuh badan akibat rasa panas dan dingin. Bukan itu sahaja, konsep pakaian cara Melayu dikatakan sebagai sebuah persalinan atau sederhana pakaian yang mempunyai perkaitan dengan acara adat istiadat. Persalinan atau pakaian cara Melayu terdiri daripada tiga atau lima persalinan yang terdiri daripada kain, baju, destar, ikat pinggang dan sibar. Persalinan yang serba lengkap dengan perhiasan dapat diertikan sebagai pelengkap erti pakaian tradisional Melayu. Konsep pakaian cara Melayu merupakan asas pemantapan pakaian dan busana masyarakat Melayu hari ini kerana busana ini masih digunakan oleh masyarakat Melayu dalam majlis tertentu.

Asmawati Suhid et.al. (2013) dalam kajiannya bertajuk “Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum” membincangkan tentang aurat. Aurat diambil dari perkataan Arab iaitu *Aurah* yang bererti keaiban. Aurat ini merupakan bahagian tubuh badan seseorang yang wajib ditutupi dan dilindungi daripada pandangan mata seseorang terutama mereka yang bukan mahram. Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah deskriptif dan tinjauan. Teknik persampelan bertujuan digunakan untuk mendapatkan sampel kajian yang akan dilakukan kepada para pelajar. Hasil kajian ini mendapati bahawa rata-rata pelajar memahami konsep asas menutup aurat. Bagaimanapun, terdapat segelintir pelajar masih keliru dan kurang memahami amalan yang tepat dalam menutup aurat yang dituntut oleh Islam. Hal ini kerana terdapat ramai remaja yang terlalu mengikut fesyen yang dibawa dari Barat menyebabkan mereka sendiri telah menyalahi konsep menutup aurat yang ditetapkan oleh Islam.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Asliza Aris, Norwani Md. Nawawi & Saemah Yusof (2015), bertajuk “Refleksi Islam dalam Pakaian Tradisional Melayu: Baju Kurung.” Pemakaian baju kurung dikaitkan dengan kesopanan dan adat resam budaya Melayu disebabkan bertapaknya ajaran Islam dalam masyarakat Melayu. Reka bentuk baju kurung yang longgar dan labuh bersesuaian dengan kehendak pakaian Islam yang menuntut umatnya untuk menutup aurat. Kenyataan ini membantu golongan lelaki mahupun wanita yang mengenakan busana Melayu ini sentiasa menjaga dan melindungi maruah diri daripada tercela. Rekaan yang dihasilkan tidak

terlalu menyulitkan pergerakan pemakai kerana busana Melayu seperti baju kurung ini dicipta memudahkan pergerakan pemakai untuk melakukan ibadah. Walaupun telah berlaku pengubahsuaian pada hari ini, namun busana Melayu ini masih dikekalkan dalam kehidupan seharian.

Kajian seterusnya pula dijalankan oleh Adilah Hj. Jusoh dan Fazilah Husin (2016), bertajuk “Makna dan Fungsi Busana dalam *Naskhah Melayu Syair Agung*.” Kajian ini menerangkan mengenai konsep busana yang didefinisikan sebagai pakaian yang terdiri daripada baju dan kainnya, di samping barang-barang kemas, peralatan solek dan hiasan kepala. Kajian ini menggunakan kajian analisis teks dengan mengumpul data kajian tentang busana yang terdapat dalam *Naskhah Melayu Syair Agung (NMSA)*. Hasil daripada kajian menunjukkan gambaran tentang busana yang digambarkan dalam *NMSA* dikelaskan kepada tiga bahagian iaitu, pakaian, perhiasan dan peralatan atau kelengkapan. Keindahan busana yang dihasilkan dapat memberikan gambaran kepada pembaca untuk menghayati nilai keindahan busana itu sendiri yang telah digambarkan melalui jenis yang pelbagai dari segi rupa dan bentuk sewaktu penghasilannya.

Yusmilayati Yunos (2018) dalam artikelnya “Etnosentrisme dalam *Manikam Kalbu*: Kebanggaan dan Kesederhanaan dalam Busana Melayu” membincangkan cara pemakaian anak-anak Melayu kini yang dikatakan tidak menepati etika pemakaian Islam dan adat Melayu. Kajian ini menggunakan konsep etnosentrisme. Teks *Manikam Kalbu* karya Faisal Tehrani dipilih sebagai bahan utama untuk dianalisis dengan lebih mendalam. Hasil daripada kajian mendapati bahawa teks ini membincangkan etika berpakaian menurut Islam yang wajib dititikberatkan oleh anak-anak Melayu terutama pada masa kini untuk menjaga adab supaya tidak mengaibkan diri sendiri. Terdapat lima syarat berpakaian sewaktu mengenakan busana Melayu iaitu pantang membuka aurat, pantang kainnya nipis, pantang berpotongan yang ketat, pantang ia mengada-ada dan busana Melayu dilarang sekali memandai-mandai. Oleh itu, anak-anak Melayu disarankan untuk mematuhi etika pemakaian yang sepatutnya supaya dapat menjauhkan diri daripada malu, tercela, dosa dan fitnah.

Artikel “Melestarikan Elemen Melayu Islam dalam Fesyen Pakaian Masyarakat Melayu” dihasilkan oleh Norulzaila Ismail, Nur Azuki Yusuff & Burhan Che Daud (2019), menyatakan bahawa pakaian masyarakat Melayu telah mengalami perubahan akibat pengaruh luar yang dibawa oleh Barat dan Korea. Hal ini menyebabkan etika pemakaian masyarakat Melayu bertentangan dengan perspektif Islam dan identiti Melayu. Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kepustakaan untuk melihat elemen-elemen Melayu Islam dalam amalan pemakaian. Elemen ini terdiri daripada nilai dan prinsip, bentuk, gaya, hiasan, jenis pakaian, struktur dan fabrik. Islam tidak menghalang umatnya untuk berpakaian yang indah-indah akan tetapi haruslah menepati syariat yang ditetapkan. Berpakaian yang mempunyai elemen Melayu Islam dapat menunjukkan akhlak yang mulia, meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Berpakaian yang sempurna berlandaskan syariat Islam dapat melindungi diri daripada perkara yang tidak diinginkan.

Nazirah Lee (2019) dalam artikelnya bertajuk “Transformasi Fesyen Pakaian Muslim di Semenanjung Tanah Melayu, 1930-1940” menyatakan perkembangan yang berlaku kepada Muslim di Semenanjung Tanah Melayu selepas tahun 1930 menunjukkan mereka mempunyai karekteristik yang berbeza daripada sebelumnya. Beliau membincangkan transformasi yang berlaku terhadap perkembangan dan perubahan dari segi berpakaian apabila munculnya fesyen baru dan moden dalam kehidupan masyarakat muslim. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa penggunaan pakaian yang moden oleh golongan lelaki dan perempuan telah memperlihatkan wujudnya pengaruh daripada luar seperti Barat. Hal ini menyebabkan sebahagian masyarakat muslim di Semenanjung Tanah Melayu mengabaikan etika pakaian yang ditetapkan dalam agama

dan adat budaya Melayu. Situasi ini berlaku akibat pemahaman masyarakat ketika itu terhadap etika pakaian berlandaskan keislaman adalah masih rendah.

Penulisan Norulzaila Ismail (2020) bertajuk “Pakaian Perempuan Melayu Kelantan: Faktor dan Kelestarian Elemen Melayu Islam” membincangkan pakaian perempuan Melayu Kelantan telah melalui era perubahan akibat wujudnya pengaruh daripada luar seperti Barat dan Korea. Beliau menggunakan metod berbentuk kualitatif dan data diperolehi daripada kaedah kepustakaan dan temu bual separa struktur. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 7.0. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan perubahan daripada segi fesyen berpakaian apabila wujudnya pengaruh daripada luar. Bukan itu sahaja, terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi masyarakat Melayu Kelantan iaitu faktor personal, faktor psikologi dan faktor budaya. Dalam kajian ini juga penulis turut mencadangkan untuk melestarikan elemen Melayu Islam dalam gaya berpakaian. Masyarakat yang mengenakan sesuatu pakaian haruslah mendalami dan mempelajari ilmu mengenai batasan, konsep aurat dan syariat-syariat yang telah ditetapkan. Pihak industri yang khusus haruslah menyediakan aturan pakaian yang menepati ciri-ciri Melayu dan Islam dalam sesuatu rekaan. Hal ini jelas sekali menunjukkan bahawa penulis lebih menitikberatkan elemen Melayu Islam dalam penghasilan sesuatu rekaan pakaian.

Seterusnya, kajian mengenai “Konsep Fesyen Menurut Syarak dan Kaitan dengan Tabarruj: Satu Tinjauan Literatur” yang dihasilkan oleh Siti Zanariah Husain dan Muhammad Adib Samsudin (2021). Dalam kajian ini, penulis menjelaskan pakaian dan fesyen tidak dapat dipisahkan daripada setiap masyarakat. Pakaian direka dengan pelbagai gaya untuk melindungi tubuh badan manusia daripada kesan panas dan sejuk, melindungi aurat dan sebagainya. Pakaian pada masa kini telah mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Hasil daripada kajian telah menggariskan beberapa panduan supaya masyarakat yang mengenakan pakaian yang berfesyen mematuhi syariat yang telah ditetapkan oleh Islam agar tidak mengamalkan konsep *tabarruj*. Walaupun Islam itu sendiri tidak membebaskan malah memberi kelonggaran kepada umatnya untuk berfesyen akan tetapi mematuhi syariat yang telah ditetapkan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat terutama golongan wanita Muslimah sentiasa berhati-hati supaya tidak *tabarruj* dalam berfesyen untuk kebaikan diri sendiri.

Penulisan selanjutnya berjudul “Tabarruj dan Fesyen Pakaian Muslimah Pada Zaman Kini” yang dihasilkan oleh Nozira Salleh (2021). Kajian ini memfokuskan kepada fesyen pakaian yang digunakan pakai terutama golongan wanita yang meminati dengan pakaian yang pelbagai gaya, warna, fesyen pakaian dan perhiasan sehinggakan wujudnya isu *tabarruj* yang melampau sewaktu berhias diri. Terdapat sebahagian Muslimah pada masa kini terlalu taksab dengan fesyen yang sangat popular menyebabkan mereka mengenyepikan etika pemakaian Islam yang dituntut oleh setiap umatnya untuk menjaga adab sewaktu berpakaian. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan kerana pengkaji hanya menganalisis buku-buku, majalah-majalah dan lain-lain lagi sebagai sumber kajian. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pakaian Muslimah yang dijual dan direka khas tidak lagi diperlukan sebagai satu keperluan bagi setiap Muslimah untuk menutup aurat dengan sempurna. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka lebih suka untuk berfesyen yang pelbagai gaya sehingga terjerumus ke dalam budaya *tabarruj* dan tidak mematuhi etika berpakaian.

Berdasarkan sorotan kajian yang dinyatakan dan dibincangkan, di dapati masih belum terdapat lagi kajian yang terperinci mengenai “Etika Berpakaian Melayu dalam *Manikam Kalbu*.” Bagi mengisi kelompongan perkara ini, penulisan ini dilakukan supaya dapat memberi pendedahan kepada masyarakat Melayu khususnya anak-anak muda Melayu untuk memakai pakaian berpanduan etika berpakaian yang betul. Hal ini kerana, masih terdapat anak-anak muda Melayu

yang tidak mematuhi etika pemakaian yang sepatutnya. Bukan itu sahaja, mereka yang mudah terpengaruh dengan gaya pemakaian daripada Barat menyebabkan anak-anak muda Melayu ini tidak mengambil berat mengenai etika pemakaian yang sebenarnya. Mereka lebih mementingkan gaya dan fesyen yang terkini dan tidak menghiraukan etika pemakaian mengikut syariat yang telah ditetapkan untuk kelihatan cantik dan menawan. Jadi, penulisan ini dilakukan untuk memberi pendedahan khususnya kepada anak-anak muda Melayu untuk mematuhi etika pemakaian yang sepatutnya.

OBJEKTIF

Objektif penulisan ini ialah untuk menghuraikan pemakaian Melayu dan etika pemakaian masyarakat Melayu dalam novel *Manikam Kalbu* serta menginterpretasikan cara pemakaian yang sesuai bagi masyarakat Melayu.

METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metod kajian. Kaedah penulisan ini menggunakan kaedah kepustakaan. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal dan majalah ini dikumpul dan disaring sebelum digunakan dalam penulisan. Bagi mengenal pasti data-data yang diperlukan, dua teknik analisis digunakan iaitu teknik analisis kandungan dan kaedah hermeneutik digunakan untuk memperolehi hasil dapatan yang diperlukan dalam penulisan ini.

Analisis kandungan adalah satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan media cetak (seperti akhbar, majalah, jurnal, buku, kitab, laporan bertulis, minit mesyuarat dan sebagainya) juga bahan-bahan elektronik. Ia digunakan bagi mengkaji beberapa istilah, perkataan, konsep, tema, frasa atau ayat yang terdapat dalam media berkenaan. Bahan-bahan bacaan dikumpul melalui proses pencarian di perpustakaan. Data yang diperolehi daripada maklumat tersebut akan disaring dan dianalisis untuk dijadikan sumber dalam kajian ini. Dalam konteks penulisan ini data diperolehi daripada novel *Manikam Kalbu*.

Kaedah Hermeneutik berfokuskan kepada teks sebagai sumber data. Maklumat atau informasi daripada teks digunakan untuk menjana tema dan difahami melalui proses interpretasi untuk mencari maksud yang tersirat tersebut. Kaedah ini bersandarkan pada interpretasi teks secara terperinci. Penelitian yang mendalam dan terperinci ke atas teks berupaya memahami unsur-unsur luaran (makna tersurat) dan berkeupayaan untuk melihat dan memahami unsur-unsur dalaman (makna tersirat) teks. Kaedah berbentuk interpretasi ini adalah untuk melakukan tafsiran dan interpretasi ke atas teks *Manikam Kalbu* yang mempunyai implikasi 'makna'.

Kaedah analisis pula dilakukan dengan langkah menyusun dan menyediakan data sebelum dilaporkan. Data daripada novel *Manikam Kalbu* digunakan untuk dianalisis dan diasingkan serta disusun mengikut konsep etika berpakaian Melayu. Seterusnya data dibaca secara keseluruhan untuk difahami. Tujuannya untuk mendapatkan pengertian umum tentang busana Melayu, konsep pemakaian Melayu, cara pakai Melayu dan Islam serta perbezaannya. Pada peringkat ini penulis membuat dan menulis kesimpulan awal berdasarkan data yang diperolehi. Seterusnya pengkelasan tema dan mendeskripsikan data. Data dibahagikan kepada tema atau deskripsi yang akan menjadi dapatan utama kajian. Hubungkait antara tema atau deskripsi merupakan perkara penting dalam

kajian kualitatif. Akhir sekali etika berpakaian Melayu diberi interpretasi melalui bukti yang terdapat dalam novel *Manikam Kalbu*.

SINOPSIS NOVEL *MANIKAM KALBU*

Novel *Manikam Kalbu* menceritakan busana tradisional Melayu berdasarkan dua zaman yang berbeza iaitu zaman moden dan zaman tradisi. Penceritaan novel ini mengandungi makna yang begitu mendalam mengenai busana tradisional Melayu. Penulis menyampaikan penceritaan dalam bentuk pesanan yang sarat dengan konsep pakaian menurut syariat untuk dijadikan panduan kepada para pembaca khususnya golongan remaja yang mudah terpengaruh dengan rekaan yang tidak mematuhi syariat kerana terlalu mementingkan kecantikan dan gaya sewaktu memakainya. Hal ini menyebabkan remaja kini terlupa bahawa berpakaian itu haruslah menutup aurat dengan sempurna bagi menjauhkan diri daripada maksiat, fitnah, tercela dan sebagainya.

Penceritaan pada zaman moden menjelaskan watak Ziryab seorang anak yatim piatu yang mengambil kursus jahitan dan seni reka fesyen di sekolahnya. Walaupun sering dicemuh oleh rakan-rakannya, Ziryab tidak pernah mengeluh malah berusaha bersungguh-sungguh untuk mempelajari kursus ini. Gambaran ini dibuktikan apabila Ziryab berjaya memenangi pertandingan rekaan seni fesyen berasaskan busana tradisional. Beliau juga ditaja untuk mempelajari pelbagai ilmu seni busana di London dan Paris. Manakala pada zaman klasik pula, penceritaannya disampaikan oleh seekor kucing Madura bernama Manikam Kalbu. Kucing Madura ini menceritakan mengenai tuannya iaitu Manikam Kalbu yang bersungguh-sungguh mempelajari ilmu berkaitan busana Melayu. Beliau merantau dari satu kawasan ke kawasan yang lain tanpa rasa penat lelah malah bangga kerana dapat mengenali dengan lebih mendalam mengenai ilmu seni busana Melayu. Hal ini jelas sekali menunjukkan bahawa pengarang menyampaikan mesej ini kepada pembaca supaya pembaca tahu bahawa busana Melayu mempunyai keunikan yang tersendiri dan terkenal dipelusuk dunia.

Peristiwa yang dirakamkan dalam novel *Manikam Kalbu* menunjukkan kesungguhan anak Melayu mempelajari ilmu seni busana daripada individu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang busana Melayu. Walaupun sering berhadapan dengan pelbagai rintangan, kedua-dua watak utama iaitu Ziryab dan Manikam Kalbu tetap bersungguh-sungguh mendapatkan ilmu tersebut. Kedua-dua watak ini sanggup merantau untuk mempelajari ilmu busana demi menjaga kepentingan masyarakat Melayu pada masa akan datang. Hal ini kerana, masyarakat kini terlalu mengikuti perkembangan fesyen Barat dan Korea sehingga pemakaian busana tradisional Melayu dipandang enteng. Mereka beranggapan bahawa busana tradisional Melayu sudah ketinggalan zaman kerana rekaannya terlalu kuno dan tidak menarik untuk tampil bergaya. Kesungguhan Ziryab dan Manikam Kalbu yang digambarkan dalam novel ini bertujuan untuk membuka mata anak-anak Melayu menghidupkan kembali rekaan busana tradisional Melayu agar dikenali di peringkat tempatan dan antara bangsa.

BUSANA MELAYU

Siti Zainon Ismail (1997) dalam bukunya berjudul *Busana Melayu Johor*, menjelaskan perkataan busana berasal daripada bahasa Jawa Sanskrit yang bermaksud mengenakan pakaian yang lengkap bersama perhiasan supaya kelihatan sempurna dan indah untuk dipandang. Menurutny lagi

pemakaian busana Melayu sebenarnya tidak terbatas kepada pemakaian kain dan baju semata-mata akan tetapi pemakaian busana Melayu ini merupakan kelengkapan adat istiadat masyarakat bagi memenuhi kehidupan nilai, norma serta keindahan budaya Melayu itu sendiri. Keindahan budaya Melayu dapat ditonjolkan melalui masyarakatnya sendiri apabila mengenakan busana Melayu.

Othman (2011) pula menyatakan busana diertikan sebagai suatu bahan yang digunakan mulai dari hujung rambut sehingga hujung kaki. Busana juga meliputi dua perkara iaitu busana pokok yang terdiri daripada baju dan seluar panjang manakala busana pelengkap pula terdiri daripada topi, kasut, cermin mata dan sebagainya yang dikatakan sebagai alat tambahan sewaktu mengenakan pakaian.

Busana atau pakaian Melayu lahir daripada perkembangan pakaian masyarakat dahulu yang berlaku disebabkan proses perubahan. Perubahan ini berlaku disebabkan peradaban awal masyarakat yang tinggal di kawasan tersebut walaupun telah wujudnya pengaruh daripada pedagang dari Cina, India, Arab dan sebagainya. Pengaruh daripada luar turut memberi kesan kepada kewujudan sesuatu bentuk busana. Busana atau pakaian lelaki yang masih digunakan sehingga kini terdiri daripada Baju Melayu Teluk Belanga dan Baju Melayu Cekak Musang manakala busana atau pakaian wanita pula terdiri daripada Baju Kurung, Baju Kebaya Panjang, Baju Kebaya Pendek, Baju Kurung Pahang dan sebagainya (M. Hamidi dan Yunelly Asra, 2019).

Busana juga dikatakan sebagai alat yang digunakan untuk menutupi bahagian-bahagian tertentu pada tubuh badan seseorang dengan sempurna. Menurut Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi (2006) dalam bukunya berjudul *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman*, pakaian merupakan keperluan asas manusia yang sangat penting untuk menutupi tubuh badan manusia. Peristiwa Nabi Allah Adam dan Siti Hawa yang dilontarkan oleh Allah SWT ke dunia pada ketika itu tanpa seurat benang menyebabkan timbulnya perasaan malu sebagai seorang insan. Hal ini menyebabkan mereka menggunakan daun-daun kayu sebagai bahan untuk menutupi bahagian-bahagian sulit pada tubuh badan. Berdasarkan peristiwa ini, masyarakat primitif ketika itu menggunakan sumber alam semulajadi sebagai sumber bahan. Perkembangan telah berlaku pada zaman prasejarah apabila manusia mula mencipta pakaian yang bersesuaian berasaskan kulit kayu dan kulit binatang untuk memperbaiki ciptaan masyarakat dahulu supaya memberi keselesaan kepada si pemakai.

Nur Muhammad Hadi Zahalan (2020) pula menjelaskan pakaian dikatakan sebagai suatu perkara asas yang digunakan oleh setiap manusia untuk menutupi tubuh mereka daripada terdedah kepada persekitaran. Hal ini kerana, tubuh badan merupakan bahagian aurat yang wajib ditutupi dengan sempurna. Bukan itu sahaja, pakaian juga dikatakan sebagai alat penyeri untuk menampilkan kekemasan seseorang untuk kelihatan lebih cantik dan bergaya. Akan tetapi keistimewaan yang diberikan tidak digunakan dengan sebaiknya. Terdapat segelintir masyarakat berlumba-lumba mengikut trend dan fesyen terutamanya generasi muda yang mudah terpengaruh dengan peredaran zaman pada masa kini.

Berdasarkan pernyataan yang dibincangkan dapatlah dikatakan busana atau pakaian merupakan keperluan asas yang berfungsi untuk menutup aurat, melindungi manusia daripada sinaran matahari, identiti manusia, perhiasan tubuh badan dan sebagainya. Busana memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia sejak dahulu lagi. Busana atau pakaian yang dihasilkan ini masih digunakan oleh masyarakat pada masa kini dan kian mengalami perubahan dari segi bentuk, fesyen, corak dan sebagainya yang bersesuaian dengan peredaran masa. Gambaran ini menunjukkan bahawa busana sangat penting untuk melindungi tubuh badan manusia sebagai keperluan asas dalam kehidupan seharian.

KONSEP ETIKA

Noriati A. Rashid (2010) dalam bukunya berjudul *Asas Kepimpinan dan Profesionalisme Guru* menyatakan ahli falsafah telah mendefinisikan etika sebagai peraturan perilaku, adat kebiasaan manusia dalam pergaulan antara satu sama lain dalam menegakkan sesuatu perkara antara yang benar atau salah. Istilah etika ini juga dikatakan berasal daripada perkataan Yunani kuno iaitu *ethos* yang bermaksud kebiasaan, adat, akhlak, keperibadian dan watak. Elemen-elemen yang membentuk etos itu cukup signifikan dalam pembentukan jati diri individu yang melibatkan watak, karakter, sikap, etika, keperibadian dan keyakinan atas sesuatu perkara yang dapat menggambarkan ciri-ciri semangat sesebuah masyarakat dalam sesebuah negara (Mohd Mahadee et. al., 2021). Etika dikatakan sesuatu ilmu yang berkaitan dengan prinsip akhlak atau moral yang menjadi pegangan seseorang individu terhadap sesuatu perkara. Oleh itu, setiap masyarakat haruslah mematuhi etika berpakaian sewaktu mengenakan sesuatu pakaian supaya mematuhi syarat yang ditetapkan.

Etika adalah satu disiplin yang mampu mengenalpasti baik buruk, adil dan tidak adil dalam sesuatu tugas moral. Etika ini merupakan satu perkara yang harus dilakukan oleh seseorang mengenai hak, kewajiban, keadilan dan manfaat kepada masyarakat. Menurut Rabiah Z. Harahap (2015), perkataan moral sinonim dengan etika yang bermaksud adat kebiasaan. Etika merupakan satu pemikiran kritis yang mendasari ajaran-ajaran dan pandangan moral. Hal ini kerana setiap manusia mempunyai pengetahuan dan pandangan yang tersendiri mengenai moral (kesusilaan) terhadap sesuatu perkara.

Secara umumnya etika terbahagi kepada dua jenis iaitu etika berbentuk deskriptif dan normatif. Etika deskriptif merupakan satu disiplin yang membincangkan mengenai sistem moral yang dipegang oleh setiap individu atau golongan yang mempunyai perbezaan dari segi masa, tempat atau keadaan. Manakala, etika normatif pula mampu membuat keputusan terhadap sistem moral melalui penilaian dan kritikan. Etika normatif ini lebih kepada mencadangkan sistem etika yang standard berpandukan sistem yang sedia ada.

Etika Islam pula adalah sinonim dengan adab. Adab didefinisikan sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang dan perbuatan lahir daripadanya dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Etika menurut Islam merupakan akhlak yang merujuk kepada nilai dan prinsip moral berdasarkan pegangan al-Quran dan hadis. Masyarakat yang mengamalkannya lebih kepada pegangan nilai-nilai baik dan membantu seseorang itu untuk mendapat ganjaran pahala terhadap kebaikan yang dilakukan. Bukan itu sahaja, masyarakat yang mengamalkannya dapat membuat pilihan terhadap apa yang dilakukan sama ada benar atau salah berdasarkan ajaran yang disarankan oleh Allah SWT dan rasul (Titin Prihatini, 2018). Etika Islam mengajar umat agar sentiasa mengabdikan diri hanya kepada Allah s.w.t. Sebagai makhluk, setiap manusia hendaklah mengakui dan mengabdikan diri sebagai hamba Allah, tidak menduakannya, tunduk taat dalam melaksanakan perintahNya. Etika Islam menganjurkan umat agar sentiasa jujur dan amanah dalam memikul tugas sebagai hambaNya dan khalifah di atas muka bumi ini (Zuraimy Ali et.al, 2022). Berbanding dengan negara luar seperti Yamen, etika berpakaian masyarakat ini khususnya wanita agak taboo untuk diperkatakan. Hal ini disebabkan peranan wanita dari aspek kebebasan dan penutupan rambut dan aurat merupakan taboo sosial. Peraturan mengenai pemakaian di Yemen merupakan topik sensitif kerana ia berkaitan dengan asas-asas keagamaan serta tradisi masyarakat majmuk di Yamen (Shada et.al.).

CARA PEMAKAIAN MELAYU DAN ISLAM

Mohd. Said Sulaiman (2008) menjelaskan kaum lelaki dan perempuan dilahirkan dalam dua jantina yang berbeza-beza sifatnya. Akibat daripada wujudnya dua jantina yang berbeza terhasillah pakaian buat kaum lelaki dan perempuan. Mereka haruslah membuat pilihan untuk memilih pakaian yang baik-baik supaya pakaian itu dapat memudahkan pergerakan dan selesa untuk digayakan dan dibawa untuk beribadah. Bukan itu sahaja, pemilihan pakaian yang baik-baik secara tidak langsung dapat menjauhkan diri daripada bencana maksiat dan kejahatan yang dilakukan oleh syaitan. Hal ini kerana, tugas syaitan adalah untuk menyesatkan umat Islam supaya dapat bersama dengannya di dalam neraka.

Terkait dengan cara berpakaian, masyarakat Melayu amat menitikberatkan etika berpakaian dalam kehidupan seharian. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, orang Melayu amat menjaga adab berpakaian, menjunjung tinggi nilai agama dan budaya dalam berpakaian. Tambahan pula, etika berpakaian seseorang berpaksikan kepada adab dan nilai agama yang dipegang oleh masyarakat tersebut. Oleh itu, setiap masyarakat Melayu digalakkan menjaga adab dan maruah diri dengan sebaiknya terutama sewaktu berpakaian untuk mendapat kehidupan yang sempurna malah dapat menunjukkan peribadi yang mulia (Tenas Effendy 2004). Beliau juga menyatakan dengan mematuhi etika pemakaian seseorang itu memperlihatkan sikap dan perilaku terpuji, menunjukkan keperibadian yang baik dan tidak merosakkan atau merendahkan martabat pakaian Melayu yang dipakai dalam kehidupan seharian. Misalnya, memakai baju kurung itu haruslah baju kurung yang mematuhi syariat Islam iaitu baju yang dipakai tidak terlalu ketat dan sesuai untuk dipakai dalam apa jua keadaan. Bukan itu sahaja, pakaian yang ingin dipakai haruslah bersesuaian dan tidak mementingkan soal gaya dan fesyen untuk kelihatan cantik tetapi menyukarkan pergerakan atau menampakkan susuk tubuh badan.

Sehubungan dengan itu, Wan Mohd Nor (2005) dalam Muhd Norizam dan Zubir (2019) menyatakan istilah adab memiliki erti yang luas dan mendalam. Pada peringkat awal, perkataan adab membawa maksud undangan ke sebuah bankuet yang di dalamnya terkandung idea tentang hubungan sosial yang baik dan mulia. Walau bagaimanapun, adab kemudian digunakan dalam konteks yang lebih khusus seperti merujuk pada kajian kesusasteraan seperti novel, cerpen dan puisi dan etika profesional serta kemasyarakatan.

Misalnya pemakaian baju kurung dapat memberi makna mengelakkan individu daripada sikap angkuh dan sombong sewaktu memakai baju kurung atau bertutur perkara yang tidak benar. Penyampaian mesej yang sarat dengan makna yang mendalam bagi memberi peringatan kepada masyarakat Melayu menjaga perilaku dan adab dengan sebaiknya supaya mereka yang memakai baju kurung sentiasa mengetahui bahawa siapa diri mereka malah yang paling penting adalah tahu menjaga maruah diri. Pakaian berkurung syarak pula bermaksud pakaian yang mematuhi syariat yang telah ditetapkan oleh peraturan agama Islam. Setiap individu perlu tahu untuk memilih pakaian yang sesuai, cara pemakaian yang betul dan tujuan mereka memakai pakaian tersebut.

Berhubung dengan hal tersebut, masyarakat Melayu sangat cermat dalam hal-hal berkaitan dengan pakaian. Mereka juga amat teliti dalam menentukan adat istiadat cara berpakaian dan amat menyanjung tinggi nilai agama dan budaya dalam berpakaian. Asas etika dalam berpakaian yang wajib difahami dan dipatuhi oleh semua masyarakat bagi mengelakkan daripada memakai pakaian yang terpesong daripada syariat yang telah ditetapkan. Pemilihan pakaian yang bersesuaian dan memakainya dengan baik bertujuan mengelakkan daripada mendedahkan aurat dan melanggar pantang larang berpakaian. Terdapat lima pantang larang berpakaian Melayu yang harus dipatuhi menurut pandangan Tenas Effendy (2004). Pantang larang berpakaian bermaksud segala larangan

atau pantang yang telah ditetapkan oleh ajaran Islam dan adat istiadat Melayu kepada sesiapa sahaja yang memakai pakaian Melayu di dalam kehidupan seharian tidak kira muda ataupun tua. Antara pantang larang berpakaian Melayu adalah seperti berikut:

- i. Pantang membuka aurat: Sesiapa yang memakai pakaian Melayu haruslah menutup aurat kerana asas ini sangat diutamakan oleh orang Melayu. Bagi mereka yang memakai pakaian Melayu tetapi tidak sempurna mereka dianggap merendahkan harkat dan martabat kemanusiaan, melanggar akidah Islam dan ketentuan adat resam Melayu.
- ii. Pantang terlalu nipis: Bahan pakaian Melayu yang terlalu nipis sehingga menampakkan susuk tubuh badan terutama bagi kaum perempuan dikatakan orang tua-tua dahulu bahawa mereka mempunyai keimanan yang nipis seperti kain bajunya yang memperlihatkan susuk tubuh badan.
- iii. Pantang terlalu ketat: Sesiapa yang memakai pakaian Melayu yang terlalu ketat sehingga menampakkan lekuk liku tubuh badan adalah diharamkan. Hal ini kerana, barang sesiapa yang memakai pakaian Melayu yang ketat mereka dikatakan tidak mempunyai agama yang teguh.
- iv. Pantang mengada-ada: Pantang mengada-ada dimaksudkan sebagai pantang membuat dan memakai pakaian Melayu yang tidak menjurus kepada tiga pantang larang yang diterangkan di atas malah pemakainya pula memakai pakaian Melayu dengan sewenang-wenangnya.
- v. Pantang memandai-mandai: Juru busana dilarang mereka busana dengan sesuka hati tanpa memahami dan memperdulikan pantang larang dan ketentuan adat istiadat berpakaian. Larangan memandai-mandai sewaktu menghasilkan busana Melayu bukanlah asbab untuk melarang juru busana untuk menghasilkan pakaian yang cantik dan mengikut perkembangan semasa. Akan tetapi, larangan ini berlaku adalah untuk mengelakkan pakaian Melayu itu tidak dibuang simbol dan nilai kemelayuan (Tenas Effendy 2004: 6-12).

Cara berpakaian Islam pula dinyatakan oleh Shofian Ahmad & Lotfiah Zainol Abidin (2004) dalam *Aurat: Kod Pakaian Islam*. Antara ciri-ciri berpakaian menurut syariat Islam yang seperti berikut:

- i. Menutup seluruh bahagian anggota yang diperintahkan oleh syarak dan membuka bahagian yang dibenarkan sahaja.
- ii. Pakaian longgar dan tidak jarang.
- iii. Bukan pakaian *syuhrah* (lambang kemegahan).
- iv. Tidak menyerupai pakaian lelaki bagi wanita dan sebaliknya.
- v. Tidak menyerupai pakaian kafir.
- vi. Tidak berbau dengan wangi-wangian yang keterlaluan.
- vii. Bukan objektif perhiasan (*tabarruj*).

Terdapat persamaan pandangan tentang pantang larang berpakaian Melayu dan kod pakaian Islam khususnya berkenaan menutup aurat, tidak terlalu nipis atau jarang, tidak terlalu ketat serta tidak terpengaruh dengan pembuatan pakaian mengikut perkembangan semasa. Namun begitu, kod pakaian Islam yang lain berkait dengan perhiasan, lambang kemegahan dan yang melibatkan wangi-wangian masih terkandung dalam pantang larang berpakaian Melayu iaitu

pantang mengada-ada dan pantang memandai-mandai. Secara tidak langsung pantang larang berpakaian Melayu itu merujuk kepada cara pemakaian yang disyariatkan dalam agama Islam yang perlu dipatuhi

ETIKA BERPAKAIAN MELAYU DALAM NOVEL *MANIKAM KALBU*

Berdasarkan konsep etika dan pemakaian Melayu yang telah dikemukakan oleh beberapa pandangan, konsep pemakaian Melayu yang disampaikan oleh Tenas Effendy (2004) sesuai dengan penulisan ini. Oleh itu, konsep berpakaian Melayu yang disampaikan oleh Tenas Effendy akan digunakan untuk melihat etika berpakaian yang terdapat dalam novel *Manikam Kalbu*. Kelima-lima pantang larang berpakaian Melayu yang diperjelaskan oleh Tenas Effendy akan dibincangkan dengan lebih jelas dan dikaitkan dengan contoh daripada novel *Manikam Kalbu*. Pantang larang didefinisikan sebagai perkara yang dilarang atau larangan terhadap sesuatu perkara. Masyarakat Melayu khususnya dinasihatkan untuk memakai pakaian yang ditetapkan oleh ajaran Islam dan budaya masyarakat Melayu. Pantang larang dan etika berpakaian akan dibincangkan dengan lebih jelas menerusi subtopik seterusnya.

PANTANG MEMBUKA AURAT

Perkataan aurat berasal daripada bahasa Arab iaitu *aar* yang bermaksud sesuatu yang aib, cela dan dikeji dan patut disembunyikan menerusi perbuatan, sifat atau perkataan (Shofian Ahmad dan Lothiah Zainol Abidin, 2004). Oleh itu, umat Islam diwajibkan menutup aurat. Agama Islam meletakkan garis panduan berpakaian cara Islam bagi membantu umatnya sama ada lelaki ataupun perempuan untuk menjaga kehormatan diri. Perkara ini dapat dibuktikan dalam Surah al-A'raaf, ayat 26 yang bermaksud “Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah daripada tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya) supaya mereka mengenang-Nya (dan bersyukur).”

Gambaran mengenai aurat dapat dilihat menerusi penceritaan mengenai Sultan Muhammad Syah bertemu dengan Tuan Guru Haji Nuh Ha Mim untuk mendapatkan jawapan mengenai syarat pertandingan mereka busana Melayu yang berpaksikan kepada agama Islam dan budaya Melayu. Tuan Guru Haji Nuh Mim memberitahu syarat yang pertama adalah pantang membuka aurat apabila mereka busana Melayu. Beliau juga menerangkan bahawa sesiapa sahaja yang memakai pakaian yang membolehkan auratnya dilihat oleh ramai orang menunjukkan imannya sudah berkarat. Individu berkenaan juga dikatakan tidak senonoh sifatnya dan tidak mempunyai adab yang baik. Orang yang mempunyai adab yang baik sentiasa memelihara aurat dengan sebaiknya supaya tidak mudah dilihat oleh orang yang tidak mempunyai pertalian kekeluargaan mahupun persaudaraan. Hal ini tergambar menerusi petikan berikut:

“Syarat pertama busana Melayu itu hendaklah pantang membuka aurat. Sesiapa memakai tetapi terbuka aurat, tanda imannya sudah berkarat. Tanda orang yang tidak semenggah, berkain baju terdedah-dedah. Barang siapa memakai singkap-menyingkap, tanda dirinya tiada beradab. Adat orang Melayu jati, berkain baju berhati-hati.”

(Faisal Tehrani, 2015: 45)

“Pertamanya, mestilah pakaian itu menutup aurat. Aurat untuk orang perempuan itu bermakna seluruh anggota badan, termasuklah dari kepala, rambut, leher, dada, lengan, sampailah kaki. Bahkan, sebenarnya, wajib menutup tapak kaki, melainkan dalam keadaan darurat seperti banjir, seperti katakana lecek atau berlumpur. Terdapat bahagian yang dikecualikan, iaitu tidak wajib menutup muka dan juga dua telapak tangan.”

(Faisal Tehrani, 2015: 59)

Berpakaian menutup aurat merupakan perkara asas yang diwajibkan kepada semua umat Islam. Sesiapa yang memakai pakaian yang tidak menutup aurat dengan sempurna mereka dikatakan sebagai manusia yang sedang merendahkan martabat kemanusiaan yang terdapat pada diri mereka. Golongan yang suka mendedahkan aurat juga dikatakan sebagai golongan yang berani melanggar akidah Islam dan ketentuan adat resam Melayu. Oleh itu, adat Melayu menjelaskan bahawa barang sesiapa yang memakai apa juga jenis, fesyen mahupun rupa pakaian tersebut haruslah berhati-hati supaya tidak terdedah auratnya (Shofian Ahmad dan Lothiah Zainol Abidin, 2004). Masyarakat Melayu beragama Islam berkewajipan menutup aurat dengan memakai pakaian yang disarankan oleh agama Islam seperti yang digambarkan dalam petikan.

PANTANG KAINNYA NIPIS

Berpakaian yang sopan dan tidak nipis membantu si pemakai untuk memelihara aurat dengan sebaiknya. Apabila si pemakai menjaga aurat dengan sempurna secara tidak langsung si pemakai juga memelihara hubungan sesama manusia. Pemakaian pakaian yang berpaksikan kepada nilai keagamaan dapat menghindarkan diri daripada perkara yang negatif (Othman Mohd Yatim et.al., 2006). Berpakaian haruslah menutup aurat dengan kain yang tebal. Apabila kainnya nipis secara tidak langsung si pemakai sedang meletakkan diri untuk difitnah dan dijadikan bahan godaan kepada sesiapa sahaja yang melihatnya.

Berdasarkan novel *Manikam Kalbu*, Tuan Guru Haji Nuh Ha Mim menyatakan syarat yang kedua berpakaian ialah pantang kainnya nipis. Beliau berkata barang siapa yang memakai pakaian yang kainnya nipis, ia menunjukkan si pemakai sudah tidak mempunyai perasaan malu apabila berhadapan dengan orang ramai. Perbuatan tersebut disukai oleh syaitan dan iblis kerana pakaian yang mencolok mata mempengaruhi manusia untuk melakukan maksiat. Hal ini tergambar dalam petikan berikut:

“Syarat kedua busana Melayu itu pantang kainnya nipis. Apabila berkain baju yang tipis, di situlah tempat setan dan iblis. Apabila memakai baju terlalu jarang, malu tak ada aib pun hilang. Sesiapa memakai akan pakaian yang tembus mata, tanda dirinya di dalam nista.”

(Faisal Tehrani, 2015: 45)

Ustaz Asmawi juga ketawa. “Hah kemudian, pakaian itu hendaklah cukup tebal untuk menutup seluruh badan. Jangan pula sampai boleh nampak warna kulit. Hah kuning langsung ke, putih merah ke atau hitam si tampuk manggis ke. Itu kan dah melampau. Itulah yang dikatakan berpakaian tetapi bertelanjang.”

(Faisal Tehrani, 2015:60)

Gambaran di atas menunjukkan bahan yang digunakan untuk menghasilkan pakaian Melayu dilarang menggunakan kain yang nipis. Kain yang nipis membolehkan bahagian kulit tubuh badan seseorang itu kelihatan dengan lebih jelas. Tenas Effendy (2004) menjelaskan kaum perempuan khususnya tidak dibenarkan memakai pakaian yang dihasilkan daripada kain yang

nipis. Pemakaian pakaian yang terlalu nipis dan jarang secara tidak langsung akan merosakkan iman si pemakai malah akan mendatangkan kehinaan kepada dirinya. Namun begitu Othman Mohd Yatim et. al. (2006) menjelaskan terdapat banyak jenis kain yang dihasilkan tidak terlalu nipis misalnya, kain songket. Penghasilan dan ketebalan kain yang berkualiti ini boleh membantu menutup aurat si pemakai dengan sempurna seperti yang dikehendaki oleh agama Islam. Selain songket terdapat jenis-jenis kain yang sesuai dengan pemakaian masyarakat Melayu seperti kain kapas dan batik sutera.

PANTANG BERPOTONGAN YANG KETAT

Pada masa kini masih terdapat segelintir masyarakat memandang enteng terhadap etika berpakaian kerana mereka lebih mementingkan fesyen dan kecantikan berbanding maruah diri. Pakaian yang dikenakan walaupun labuh tetapi masih ketat potongannya. Akibat perbuatan yang tidak berhati-hati ini boleh menyebabkan berlakunya penzinaan, kes rogol dan sebagainya. Oleh itu, Islam mewajibkan umatnya memakai pakaian yang longgar supaya tidak berlaku perkara yang tidak diduga (Rusydi Ramli Al-Jauhari dan Haliza Hj. Aris, 2011). Sehubungan itu, juru busana yang menghasilkan pakaian perlu mementingkan nilai kesederhanaan supaya pakaian yang dihasilkan tidak terlalu menonjol dan keterlaluan. Si pemakai juga dapat menjauhkan diri daripada fitnah, dosa, maksiat apabila memakai pakaian yang mematuhi syariat yang telah ditetapkan. Rusydi Ramli Al-Jauhari dan Haliza Hj. Aris (2011) menjelaskan peristiwa Nabi SAW memberi baju Qutbhiyah kepada Usamah Bin Zaid walaupun kainnya tebal dan longgar. Nabi SAW memesan kepadanya supaya menyuruh isterinya memakai pakaian tersebut di dalam rumah sahaja bimbang jika dipakai di luar rumah akan memperlihatkan susuk tubuh isteri Usamah Bin Zaid kepada orang ramai.

Daripada peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa Nabi SAW masih menjaga adab berpakaian walaupun pakaian yang diperolehinya terhasil daripada bentuk yang longgar dan berkain nipis. Hal sedemikian dapat dilihat dalam novel *Manikam Kalbu* berkenaan pengisahan Sultan Muhammad Syah bertemu dengan Tuan Guru Haji Nuh Ha Mim untuk mendapatkan syarat-syarat pertandingan mereka busana Melayu. Syarat ketiga pertandingan mengenai pantang busana berpotongan yang ketat. Umat Islam dilarang sama sekali memakai pakaian yang direka terlalu ketat potongannya sehingga memperlihatkan susuk tubuh badan. Pakaian yang terlalu mengikuti susuk tubuh badan boleh menyebabkan si pemakai berasa tidak selesa malah boleh mendatangkan bencana. Hal ini tergambar melalui petikan berikut:

“Syarat ketiga busana Melayu itu mestilah pantang ia berpotongan yang ketat. Tiada boleh sama sekali nampak lekuk atau liku di badan. Ingatlah apabila memakai yang ketat-ketat, agama hilang binasa adat. Barang siapa berbaju sempit, imannya malap jiwanya sakit. Ingatlah Anakanda Muhammad, tanda Melayu memegang adat pantang dia berbaju ketat. Tanda orang beriman teguh pakaian sempit memang dijauh.”

(Faisal Tehrani, 2015: 45)

“Lagi, hendaklah pakaian perempuan itu cukup longgar, tidak sempit atau ketat sampai nampak segala lekuk dan juga susuk badan. Pakaian seumpama itu akan mendatangkan fitnah, malah lebih buruk membangkitkan keinginan syahwat. Ha, memakai pakaian yang ketat itu juga termasuk dalam kategori berpakaian tetapi bertelanjang.”

(Faisal Tehrani, 2015: 60)

Petikan di atas menunjukkan penghasilan pakaian Melayu dilarang terlalu ketat sehingga menampakkan lekuk liku tubuh badan si pemakai lebih-lebih lagi kaum perempuan. Tubuh kaum perempuan yang berbentuk boleh dilihat dengan lebih jelas oleh kaum lelaki apabila kain baju yang terletak di badan terlalu ketat. Tuan Guru Haji Nuh Ha Mim menyatakan bahawa mereka yang memakai pakaian yang ketat menunjukkan keimanan yang tidak teguh. Orang yang beriman sentiasa menjaga aurat mereka dengan sebaiknya malah menjauhkan diri daripada memakai pakaian yang mencolok mata.

PANTANG MENGADA-ADA

Pakaian Melayu perlu mematuhi ciri-ciri yang tidak berlebihan dan penuh dengan kesederhanaan dalam penghasilannya. Pakaian yang kelihatan sangat berlebihan ataupun dikenali sebagai istilah mengada-ada merupakan syarat keempat yang diletakkan oleh Tuan Guru Nuh Ha Mim seperti yang digambarkan dalam novel *Manikam Kalbu*. Beliau menyatakan bahawa berpakaian haruslah mematuhi syariat yang ditetapkan Islam supaya masyarakat Melayu tidak terpesong dan menjatuhkan maruah diri. Berpakaian yang tidak mengada-ada juga dapat menjauhkan diri daripada sikap angkuh dan sombong kerana si pemakai sentiasa mengetahui kedudukannya apabila mengenakan sesuatu pakaian. Hal ini tergambar dalam ayat “Apabila memakai tukah diri, supaya tak lupa diri sendiri.” Oleh itu, masyarakat Melayu perlu mengambil berat tentang etika pemakaian agar dapat menjauhkan diri daripada sikap yang kurang baik. Gambaran ini dapat dilihat menerusi contoh petikan berikut:

“Itulah, yang hendak ayahanda nyatakan tentang syarat keempat busana Melayu. Pantang ia mengada-ada. Membuat baju harus sejodu, jangan suka tiru-meniru, supaya tidak hilang maruah Melayu. Apabila memakai tahukan diri, supaya tak lupa diri sendiri, kala memakai elok menurut adat kelak tidak membawa mudarat. Ingatlah, jika, memakai elok menutupi badan, supaya tidak disusupi setan.”

(Faisal Tehrani, 2015: 46)

Masyarakat Melayu digalakkan supaya berhati-hati dalam berpakaian dan berhias bagi mengelakkan diri daripada terdedah kepada pelbagai maksiat, fitnah dan kehinaan, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: “Sesiapa yang memakai pakaian yang berlebih-lebihan, maka Allah akan memberikan pakaian kehinaan di akhirat nanti” (Riwayat Abu Daud). Sikap berlebih-lebihan tidak digalakkan dalam Islam. Sekiranya amalan ini terus diamalkan dalam kehidupan mereka, nescaya nilai-nilai tersebut akan lenyap. Ini bermakna, nilai-nilai Melayu sejati yang selama ini dibanggakan akan luntur dengan sendirinya (Yuszaidy dan Muammar, 2015). Bersederhana dalam setiap penampilan dapat mengelakkan pelbagai perkara yang boleh menjatuhkan maruah dan agama.

DILARANG MEMANDAI-MANDAI

Pada masa kini, masyarakat Melayu lebih gemar memakai pakaian yang terdiri daripada pelbagai jenis fesyen, corak, bentuk dan warnanya. Mereka memilih untuk memakai pakaian sedemikian untuk kelihatan cantik dan bergaya khususnya pada musim perayaan. Namun begitu, terdapat masyarakat Melayu yang masih memakai busana Melayu tradisional seperti baju kurung Teluk Belanga atau baju kurung Cekak Musang. Setelah mengalami arus pemodenan rekaan pakaian sudah mengalami perubahan dan pengubahsuaian dalam bentuk yang pelbagai. Terdapat pelbagai

jenis rekaan yang dihasilkan menyebabkan masyarakat Melayu terutama anak-anak muda Melayu yang mudah terpengaruh lebih cenderung untuk memakainya (Ismail Sualman, 2019). Pemakaian yang bercanggah dengan nilai dan tradisi Melayu sekaligus mencemarkan adat Melayu adalah tidak sewajarnya berlaku. Juru busana yang menghasilkan pakaian haruslah memikirkan kesesuaian dan nilai kesederhanaan dalam rekaan supaya tidak memandai-mandai mereka pakaian yang tidak diketahui maksud dan falsafah disebalik rekaan yang dihasilkan. Tenas Effendy (2004), menjelaskan juru busana sepatutnya tidak bertindak sambil lewa sewaktu mencipta pakaian kerana dibimbangkan melanggar pantang larang berpakaian yang telah ditetapkan. Hal ini tergambar dalam petikan berikut:

“Syarat yang kelima busana Melayu itu dilarang sekali memandai-mandai. Kerana apabila berpakaian memandai-mandai, aib tersingkap malu terburai” (Faisal Tehrani, 2015: 46).

“Pacal juga berhati-hati supaya tidak mereka busana yang memandai-mandai sifatnya. Memang pacal lihat ada rekaan baju saudagar Cina dan Keling yang cantik-cantik tetapi masakan pacal meniru bulat-bulat tak bersebab dan memandai-mandai seolah pandir? Pacal teringat pantun adat berbunyi:

Apabila menuai berlalai-lalai,
Habislah padi dimakan ulat;
Bila memakai memandai-mandai,
Habislah budi binasalah adat.

(Faisal Tehrani, 2015: 129)

Gambaran di atas memenuhi syarat kelima pertandingan menghasilkan busana Melayu yang diketengahkan oleh Tuan Guru Haji Nuh Ha Mim sewaktu ditanya oleh Sultan Muhammad Syah mengenai syarat yang kelima iaitu pantang ia memandai-mandai. Juru busana juga dilarang untuk mengambil idea dan pandangan daripada orang lain sesuka hati untuk mendapatkan rekaan yang lebih canggih. Khususnya dalam penghasilan baju kurung yang dikatakan sebagai pakaian rasmi orang Melayu tidak sepatutnya dilakukan pengubahsuaian berdasarkan ilham yang diperolehi sewaktu melihat rekaan lain yang tidak diketahui siapa penciptanya. Pengubahsuaian yang dilakukan ke atas pakaian rasmi orang Melayu iaitu baju kurung akan menghilangkan dan merosakkan nilai kemelayuannya kerana pakaian ini mempunyai falsafah tersendiri yang boleh mengangkat martabat dan identiti orang Melayu. Contohnya, kebanyakan baju kurung yang dihasilkan pada masa kini telah mengalami perubahan apabila juru busana tidak menggunakan pesak dan kekek sewaktu menghasilkannya. Bukan itu sahaja, rekaanya terlalu mengikut bentuk tubuh badan, kainnya nipis, pendek tidak menutupi pinggul berbeza dengan pakaian Melayu orang Melayu terdahulu (Asliza Aris, Norwani Md. Nawawi dan Saemah Yusof, 2015).

Berdasarkan novel *Manikam Kalbu*, Tuan Guru Haji Nuh Ha Mim menegah sekerasnya larangan memandai-mandai bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kerosakan terhadap pakaian yang direka. Masyarakat Melayu harus berpegang teguh kepada akar dan jati diri Melayu seperti contoh petikan berikut:

“Syarat kelima bukan membataskan kepandaian orang Melayu, tetapi untuk menjaga busana dan gaya kita kelak agar tidak sampai terlerai daripada pokoknya, tunjangnya ayat yang kubacakan tadi. Pakaian Melayu itu, anakanda, harus ada akar. Akar itu makna. Makna itu ada dua, makna lahir juga makna batinnya”

(Faisal Tehrani, 2015: 47)

Oleh itu, penghasilan busana Melayu masih mengekalkan simbol dan nilai hakiki masyarakat Melayu. Hal ini kerana, busana Melayu amat teguh dengan akar dan jati diri orang Melayu menyebabkan busana ini masih digunakan sehingga ke hari ini. Menurut Tenas Effendy

(2004), larangan memandai-mandai dalam rekaan busana bukan untuk membataskan kepandaian, kekretifan dan kebijakan orang Melayu dalam mereka bentuk busana Melayu. Larangan ini bertujuan untuk memelihara busana Melayu supaya tidak terlerai daripada akar dan jati diri Melayu dan tetap teguh dengan falsafah dan seninya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, novel *Manikam Kalbu* karya Faisal Tehrani antara karya sastera yang menceritakan busana tradisional Melayu dengan menyelitkan elemen etika dan pantang larang dalam cara berpakaian masyarakat Melayu. Pemilihan novel ini sebagai subjek penulisan kerana agak kurang perbincangan berkenaan busana Melayu dan etika berpakaian dalam karya novel moden. Terdapat lima etika pemakaian masyarakat Melayu yang digambarkan dalam novel *Manikam Kalbu*. Lima etika pemakaian yang diperkenalkan oleh Tenas Effendy ini ialah pantang membuka aurat, pantang kainnya nipis, pantang ia berpotongan yang ketat, pantang ia mengada-ada dan dilarang memandai-mandai sejajar dengan ciri-ciri berpakaian menurut syariat Islam. Cara berpakaian Melayu dapat menjelaskan identiti, nilai dan jati diri sebenar setiap individu. Konsep berpakaian Melayu yang diperkenalkan oleh Tenas Effendy berfokus kepada etika dan pantang larang secara tidak langsung dapat memelihara diri individu dan menjaga akar dan jati diri masyarakat Melayu.

Penulisan ini dapat dijadikan pembelajaran ilmu sepanjang hayat dalam jangka masa panjang dan sumber rujukan generasi muda. Selanjutnya penulisan ini memberi sumbangan ilmu kepada bidang busana Melayu dan diharapkan dapat memberi penjelasan mengenai busana Melayu, pemakaian Melayu dan etika pemakaian Melayu yang betul. Pada masa akan datang, penulisan mengenai busana Melayu wajar diteruskan khususnya berkenaan motif, reka corak dan busana di setiap negeri. Menerusi usaha ini pemakaian busana Melayu dapat dikekalkan, diwarisi dan tidak hilang begitu sahaja.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Sekretariat Penyelidikan dan Inovasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang membiayai penulisan makalah ini.

RUJUKAN

- Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi. (2006). *Pakaian Melayu sepanjang zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asliza Aris, Norwani Md. Nawawi & Saemah Yusof. (2015). Refleksi Islam dalam pakaian tradisional Melayu: Baju kurung. *ICOMHAC2015 eproceedings*, 306-317.
- Aszulhida Aman, Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Zuliskandar Ramli & Nurfarahhana Ismail. (2019). Perkembangan dan evolusi pakaian alam Melayu. Prosiding Seminar Antarabangsa Susatera, Bahasa dan Budaya Nusantara. UniMAP.
- Faisal Tehrani. (2015). *Manikam kalbu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fauzan Hidayatullah, Kadek Aryana Dwi Putra & Rosnani Abdul Rahman. (2020). Etika berpakaian pemustaka: representasi lifestyle pengguna dan cara berpikir kritis pustakawan

- di perpustakaan menggunakan Ideological State Apparatus. *TIK ILMEU: Jurnal Ilmu Perpustakaan dan Informasi*, 4(2), 113-126.
- file:///C:/Users/OPTIPLEX%203070%20SFF/Downloads/1573-9469-1-PB.pdf
- Iqbal Hakim. (2020). Data sekunder: Pengertian, ciri-ciri dan contohnya. <https://insanpelajar.com/data-sekunder/>
- Ismail Sualman. (2019). Baju raya hipster cemar budaya. *Sinar Harian*. 2 Jun. <https://www.sinarharian.com.my/article/31078/KOLUMNIS/Baju-raya-hipster-cemar-budaya> [16 Julai 2022].
- M. Hamidi & Yunelly Asra. (2019). Busana baju kurung Melayu kekinian mendukung ekonomi dan industri kreatif. *Seminar Nasional Industri dan Teknologi*, hlm. 309-315.
- Mohd Mahadee Ismail, Nor Azlili Hassan, Azlina Abdullah, Zaini Othman, Marzudi Md Yunus & Hairol Anuar Mak Din. (2021). Pembentukan etos nasional belia Malaysia: Wadah pembinaan negara-bangsa. *Akademika*, 91(1), 3-14.
- Mohd. Said Sulaiman. (2008). *Pakai patut Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris. 2019. Kebijaksanaan adab dalam hikayat Melayu tradisional. *Akademika 89(Isu Khas/Special Issue)*, 81-91.
- Nor'aqilah Ahmad Zabidi, Dy Intan Norsoleha Zulkipli, Khairul Azhar Jamaludin, Mohd Isa Hamzah, & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2024). Pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek mod teradun dalam kalangan guru rekaan dan jahitan pakaian, mata pelajaran Vokasional di Malaysia. *Akademika*, 94(2), 215-231.
- Nozira Salleh. (2021). Tabarruj dan fesyen pakaian muslimah pada zaman kini. *Akademika*, 91(1), 109-118.
- Nurul Najihah Mohamad Shokri & Norhoneydayatie Abdul Manap. (2023). Etika berpakaian dalam iklan menurut perspektif Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 8(1), 29-35. <https://www.ukm.my/jcil/wp-content/uploads/2023/06/4-Nurul-Najihah-Norhoneydayatie-2023.pdf>
- Othman Mohd Yatim, Zainal Abidin Borhan, Mohammad Nazzri Ahmad & Mohamad Anis Abdul Samad. (2006). Estetika dan keindahan songket Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17(1), 13.
- Othman. (2011). *Pakaian-pakaian Melayu tradisional*. Dewan Kesenian dan Kebudayaan Malaysia: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Rabiah Z. Harahap. (2015). Etika Islam dalam mengelola lingkungan hidup. *Jurnal EduTech*, 1(1): 3-4.
- Rusydi Ramli Al-Jauhari & Haliza Hj. Aris. (2011). *Aurat mahkota wanita*. Batu Caves: Must Read Sdn. Bhd.
- Shada Bokir, Ruzy Suliza Hashim, Anita Harris Satkunananthan & Eric Olmedo. (2020). Identity experiments in two female photographers of Yemeni women. *Akademika*, 90(3), 3-13.
- Shofian Ahmad & Lotfiah Zainol Abidin. (2004.) *Aurat: Kod pakaian Islam*. Cheras: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Siti Zainon Ismail. (1997). *Busana Melayu Johor*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Siti Zainon Ismail. (2009). *Pakaian cara Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zanariah Husain & Muhammad Adib Samsudin. (2021). Konsep fesyen menurut syarak dan kaitan dengan Tabarruj: Satu tinjauan literatur concept of fashion according to Islamic law

- and its relation with Tabarruj: A Literature Review. *Malaysia Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(2), 114-126.
- Tenas Effendy. (2004). Busana Melayu sebagai jati diri Melayu yang sebenar. Dalam *Busana Melaka*. Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka.
- Titin Prihatini. (2018). Etika dan estetika berbusana muslimah. *Jurnal Socia Akademika*, 4(2), 30-39. <https://aks-akk.e-journal.id/jsa/article/view/68/34> [Dicapai pada 31 Mei 2024]
- Yuszaidy Mohd. Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2015). Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 3(2), 33-46.
- Zubaidah Syawal. (1994). *Busana Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia.
- Zuraimy Ali, Azhar Abdul Rahman, Noraini Ismail & Nadiyah Hashim. (2022). Etika Islam dalam membina peradaban manusia yang cemerlang. *Jurnal Pengajian Islam*, 15 (Special Issue, Multi Disiplin Ilmu dalam Pengajian Islam), 168-179.

Nor Syazwani Nor Hizam
Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kerayong,
28200 Bandar Bera,
Pahang, Malaysia
Email: norsyazwani9920@gmail.com

Yusmilayati Yunos (Corresponding author)
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi
Selangor, Malaysia
Email: yusmila@ukm.edu.my